

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

HUKUM ISLAM SESUAI BAGI TIAP-TIAP TEMPAT DAN TIAP-TIAP MASA

– Banyak di antara orang-orang Islam kita-terutamanya yang terpelajar cara barat-memandang hukum Islam Sebagai “momok” atau sebagai undang yang tidak sesuai dijalankan dalam kurun kedua pula ini untuk dijadikan undang-undang dasar bagi sebuah negara yang merdeka. Salah faham yang demikian inilah yang mendorong setengah orang-orang kita yang berbaka Islam tetapi berfikir dengan fikiran orang lain, tergamak mencadangkan apabila Malaya merdeka kelak hendaklah cara pemerintahannya menurut cara pemerintahan Hindu. Setengahnya pula mencadangkan cara pemerintahan barat, dan harus akan ada pula yang mencadangkan cara pemerintahan Jepun, Cina, Siam, Burma dan seterusnya kerana cara pemerintahannya asing yang berbagai-bagai corak ragamnya itu dipandang lebih berkemajuan dan sesuai dengan peredaran zaman.

Oleh Abdullah Basmeh

Orang-orang Islam yang memahami Islam dengan fahaman songsang

Ketiga-puak yang terpelajar dengan ajaran Islam.

sedemikian ini memang banyak. Bukan sahaja di Malaya bahkan di lain-lain negeri juga. Fahaman salah yang berbahaya ini- yang tidak ubahnya ibarat “pisau makan seorang”- telah dihuraikan sebab musababnya oleh ahli-ahli pengetahuan kita yang berjiwa Islam, dan mempunyai ghairah terhadap kesucian Islam. di antaranya saya pilihkan di sini huraian dan penjelasan tuan “Abd al-Qadir ‘Udah” seorang hakim Mesir yang kebilangannya di dalam kitabnya : “*al-Islām bayna jahl abanā’ihi wā’ajz ulamā’ihi*” atau “Islam” di antara Kejahilan Pemeluk-pemeluknya dan Kelemahan Alim Ulamanya :

Faham orang-orang Islam terhadap syariat Islam adalah berbeza menurut perbezaan keadaan hidup tiap-tiap seorang dan pendidikannya. Mereka adalah terbahagi kepada tiga puak menurut nisbah pengetahuan mereka kepada hukum syarak:

Yang pertama-puak yang tidak terpelajar

Kedua-puak yang terpelajar cara barat

1. Puak Yang Tidak Terpelajar

Puak ini adalah meliputi orang-orang awam yang buta huruf dan orang-orang yang mempunyai pelajaran rendah, yang tidak dapat melayakkan mereka berfikir secara bebas terhadap tiap-tiap perkara yang dibentangkan kepada mereka dan mengambil sesuatu keputusan yang tepat dan betul. Mereka itu tidak mempunyai pengetahuan langsung tentang hukum syarak dikecualikan pengertian yang dangkal dari hal ibadat. Kebanyakan mereka menunaikan ibadat sebagai jentera yang menjalankan kerjanya. Dengan bertaklidkan kepada bapa, saudara atau guru mereka. Jarang sekali tuan dapat di antara mereka yang beramal ibadat yang berpandu kepada penyesatan dan pengetahuannya sendiri. Jelasnya kebanyakannya peraturan belaka.

Di dalam puak ini termasuk kebanyakan orang-orang

Islam yang tidak kurang daripada delapan puluh peratus

Daripada jumlah orang-orang Islam di seluruh alam Islami. Puak ini juga adalah sangat-sangat terpengaruh dengan pengaruh orang-orang yang terpelajar, iaitu yang berpelajaran barat atau yang berpelajaran Islam. Tetapi dalam perkara yang diketahui ada berhubung dengan Islam maka mereka akan tunduk kepada pimpinan orang-orang yang terpelajar dengan ajaran Islam ada pun perkara yang tidak dapat diketahui tentang perhubungannya dengan Islam maka mereka akan tunduk kepada pimpinan golongan yang terpelajar cara barat.

Alim ulama Islam amatlah mudah mempengaruhi puak ini dengan sepenuhnya dan mengarahkan mereka dengan pengarahannya yang betul, apabila mereka diberi faham dengan jelas bahawa tiap-tiap perkara yang mengenai kehidupan di dunia adalah berhubung dengan orang Islam, dan bahawa iman mereka tidak akan sempurna melainkan apakala segala perkara dunia dijalankan di atas asas hukum syarak yang suci mulia. Tetapi alim ulama Islam di dalam kebanyakan negeri-negeri Islam telah mencuaikan puak awam yang besar jumlahnya ini dan telah membiarkannya meraba-raba di dalam kejahilan yang menyebabkan mereka tergelincir daripada Islam dengan tidak disedari bahkan mereka masih memandang dirinya berada di atas kebenaran. Sebenarnya yang menjadikan mereka sesat sebagaimana yang disebutkan itu tidaklah lain daripada kecuaiannya orang-orang yang bertanggungjawab dalam penyebaran Islam dan kelemahan alim ulama daripada menjalankan seruan Islam menurut penyebaran yang sempurna.

2. Puak Yang Terpelajar Cara Barat

Puak ini meliputi kebanyakan orang-orang Islam yang terpelajar di dalam negeri-negeri Islam, dan kebanyakan mereka mempunyai pendidikan yang sederhana, tetapi banyak juga di antara mereka yang terpelajar tinggi dan di antaranya boleh didapati ahli-ahli kehakiman, *lawyer-lawyer*, doktor-doktor, jurutera-jurutera, ahli-ahli persuratan, ahli-ahli pendidikan, ahli-ahli pentadbiran, dan ahli-ahli siasah.

Puak ini telah terdidik menurut cara barat, dan

kerana itu maka mereka tidak mengetahui perihal undang-undang Islam melainkan apa yang diketahui oleh seseorang Muslim bebas disebabkan keadaan yang mengelilinginya. Yakni disebabkan dia telah celik mata dan besar panjang dalam pemeliharaan ibu bapa dan pendidik yang beragama Islam. Kebanyakan mereka pula lebih kenal akan cara ibadat orang-orang Yunani dan Roman, dan lebih kenal akan undang-undang dan peraturan barat daripada mengetahui dari hal Islam dan undang-undang Islam.

Di antara puak ini juga kedapatan di dalam tiap-tiap negeri Islam ada beberapa orang yang boleh dibilang dengan jari, mempunyai pengajian khas dalam sesuatu furu' hukum syarak atau di dalam sesuatu masalahnya, tetapi pengajian mereka tentang itu adalah berperenggan dan kerap kali hanya sebagai pengajian yang dangkal jua. Jarang sekali boleh didapati antara mereka yang faham akan roh syariat Islam menurut hakikatnya yang sebenar, atau mempunyai pengertian yang betul tentang tujuan-tujuan hukum syarak dan asas tempat terdirinya.

Golongan yang terpelajar cara barat ini, dan orang-orang yang jahil akan Islam dan syariat Islam demikian itu mereka itulah juga yang menguasai dan mempengaruhi umat Islam, dan mengarahkannya ke timur dan ke barat, dan mereka itulah juga yang mewakili Islam dan umat-umat Islam di persidangan antarabangsa.

Untuk keadilan terhadap golongan ini perlu rasanya kita berkata : bahawa meskipun mereka tidak berpengetahuan tentang syariat Islam tetapi mereka berjiwa agama, beriman dengan iman yang dalam, menunaikan ibadat sekadar yang mereka ketahui, dan mempunyai persediaan yang baik bagi mempelajari apa-apa yang mereka tidak mengetahuinya. Tetapi mereka tidak sanggup menyiasat sendiri di dalam kitab-kitab syariat Islam bagi mengambil pengertian tentang masalah-masalah yang tidak difaham, kerana mereka tidak kebiasaan membacanya dan kerana menyiasat di dalam kitab-kitab itu tidak begitu mudah melainkan bagi orang yang telah terlatih membacanya dalam masa yang lanjut. Kerap kali juga seseorang penyiasat membaca akan dia.

Kitab-kitab agama, tetapi tidak sampai pengetahuannya kepada makna yang hakiki kerana tidak faham tentang istilah-istilah syarak dan dasar ilmu usul yang di atasnya terdiri mazhab-mazhab fiqh. Banyak orang yang telah bersungguh-sungguh hendak mengkaji syariat Islam telah buntu fahamannya dan hilang lenyap azam mereka di antara matan, syarah dan hawāsyī kitab-kitab tersebut. Kalau mereka ini hendaklah kitab-kitab agama yang tersusun menurut cara baharu nescaya dapatlah mereka faedah daripadanya serta memberi faedah kepada orang lain.

Puak yang terpelajar cara barat ini juga ada mempunyai dakwaan-dakwaan yang pelik terhadap undang-undang Islam, bahkan dakwaan itu menggilakan hati; setengahnya mendakwa Islam tidak ada bersangkut paut dengan pentadbiran dan negara. Setengahnya pula memandang Islam sebagai agama dan kerajaan, tetapi mereka mendakwa bahawa undang-undang Islam tidak sesuai dengan masa sekarang dalam perkara-perkara yang mengenai dunia. Setengahnya pula memandang bahawa undang-undang Islam sesuai dengan zaman ini. Tetapi mereka mendakwa bahawa setengah hukum-hukumnya hanya buat sementara sahaja maka tidaklah boleh dijalankan dia pada hari ini. Setengahnya lagi mendakwa bahawa “fiqh” Islam adalah lebih banyak berbalik kepada buah fikiran alam semesta (ahli fiqh) daripada berbalik kepada Quran dan Sunnah.

Inilah dakwaan-dakwaan mereka yang telah masyhur terhebat. Pada hal semuanya itu ialah dakwaan-dakwaan yang tidak berharga; kerana terbitnya daripada suatu puak yang tidak mengetahui undang-undang Islam, dan sudah tentu siapa-siapa yang jahil akan sesuatu perkara maka tidaklah layak ia menghukum akan dia. Kalaupun ia menghukumkan maka hukumannya itu hanya dengan sangkaan sahaja ukannya dengan yakin, dan hanya suatu dakwaan

yang tidak mempunyai dalil.

Sebenarnya segala dakwaan-dakwaan tersebut adalah berbalik kepada dua perkara :

Pertama : Kejahilan tentang syariat atau undang-undang Islam.

Kedua : Terpengaruhnya mereka kepada pelajaran barat, dan hendak memaksakan pengetahuan mereka berkenaan undang-undang buatan manusia atas undang-undang Islam.

Tidak ada dalil yang terang yang menunjukkan bagaimana rendahnya dakwaan-dakwaan tersebut lebih daripada pertelingkahan mereka sesama sendiri. Dan apa yang didakwakan oleh suatu puak telah dibatalkan oleh puak yang lain, dan mana-mana yang telah didirikan oleh setengahnya telah diruntuhkan oleh setengahnya yang lain.

(Raḍḍ atau bantahan atas dakwaan-dakwaan ini akan disiarkan dalam keluaran akan datang-p)

3. Puak Yang Terpelajar Dengan Pelajaran Islam

Puak ini berpengaruh besar di atas umat-umat Islam. Dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama. Tetapi malangnya mereka tidak mempunyai sebarang kuasa memerintah. Hampir-hampir semua orang-orangnya hanya menjawat jawatan pensyarah-pensyarah, imam-imam dan guru-guru agama. Kadang-kadang ada juga yang berpeluang menduduki jawatan kehakiman : tetapi mereka tidak dibenarkan menjalankan hukum melainkan dalam perkara-perkara atau undang-undang sahsiah (*personal law*). Iaitu seperti undang-undang nikah kahwin dan talak cerai.

Sebelum undang-undang Eropah masuk ke negeri-negeri Islam. Adalah puak ini mempunyai kuasa penuh dalam segala-galanya. Tetapi setelah masuknya undang-undang tersebut maka peraturan-peraturan baharu telah menjadikan mereka terletak di dalam suatu kawasan yang sempit dan kuasa mereka sedikit demi sedikit mulai hilang sehingga hilang lenyap semuanya sekali. Hal yang demikian telah berpanjangan sehingga telah menjadi perkara biasa kepada mereka. Dan kebanyakan mereka telah

(sambungan pada muka 32)